

**SOUND BYTES - BERSARA**  
**chedet.co.cc**  
**January 14,2011**

1. Saya setuju saya patut bersara dan serah segala-galanya kepada generasi muda. Tetapi saya sering menasihati kawan-kawan yang bersara supaya terus aktif kerana jika tidak mereka akan tua lebih cepat dan akan pergi lebih awal.

2. Saya juga cuba supaya tidak pergi lebih awal dengan mengaktifkan diri saya. Harap kawan-kawan saya membenarkan orang tua ini terus aktif. Akan sampai masanya yang saya tidak lagi boleh aktif walaupun saya ingin aktif. Pada masa itu saya akan terima apa yang ditakdirkan bagi saya oleh Allah subhanawata'ala.

3. Selagi Allah s.w.t. memberi kesihatan dan tenaga kepada saya, saya tidak akan membazirkan kurniaan Tuhan ini.

185 Comments

By nadyezhda239Author Profile Page on January 31, 2011 5:16 PM

Salam Tun,

Please do NOT stop writing...

There are a lot of things that we can learn from you...

May Allah bless you...

You're definitely one in a million...

By reene007Author Profile Page on January 29, 2011 4:32 AM

Asslamualaikum Tun,

Please take care of your health. I was born in 1981, to Malaysia its crucial , that is the year you synchronized the time between sabah sarawak n the rest of sememnanjung. Never in history a PM can do it. I have favoured some of your sometimes far reaching ideas but I did believe that Allah has given you the gift to predict . But as the nature of prediction it is never what happen. It is sometimes other factor that will make us crumble. Insyallah truth prevails.

By RizalAuthor Profile Page on January 26, 2011 11:58 AM

Salam TD Mahathir,

Sy sgt berbangga dgn kejayaan dan cara pemerintahan Tun sejak kecil.

Semoga ALLAH s.w.t memberi rahmat kepada Tun diberikan kesihatan yang baik dipanjangkan umur.

By lylrAuthor Profile Page on January 26, 2011 9:33 AM

To be honest...Im 40 this year and as far as I can remember, I get the chance to experienced the transformation of Malaysia under Tun. I was about 10 years old when Tun took over from Tun Hussien Onn and at that age I can remember the how we live. Malaysian are so much divided with each race doing what they know best ( thanks for our colonial era).

But when Tun came in, everything changed The 'ed' Im using here is because we were so

helpless to free ourselves from the system even after so many years of independence and we were forced to change.

Now, the majority of Malaysian is about my age and clearly, we were so thankful to God for giving us such an indescribable by words, a gifted person as medium to teach human race how to live according to all religion's teaching, that is to make sure that everybody gets what everybody supposed to get fairly and live in harmony.

But of course, we can't deny that out from this, there are people that tend to forget your contribution and sacrifice and asked you to leave.

If they can say that, I believe, I have the right also to ask you to stay put so that I can learn from you, feel proud and secured to live in this world when each and every morning I woke up and know that you are still around.

By det kecikAuthor Profile Page on January 25, 2011 6:09 PM

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarokatuh.

Tun,

Untuk bersara dari mengambil berat tentang bangsa, agama dan negara hanya pada mereka yang sudah hilang perasaannya dengan bangsa, agama dan negara.

Untuk aktif dalam memperjuangkan nasib bangsa, agama dan negara ada banyak pendekatannya dan bukan hanya dari pemikiran sempit (manifesto parti) politikus yang menganggotai parti-parti politik yang bercambah dalam negara kita.

Banyak lagi rakyat jelata yang bukan menganggotai mana-mana parti politik tetapi cukup pro-aktif dalam memperjuangkan nasib ABN. Contohnya kumpulan dakwah pelbagai agama yang bergerak dibelakang tabir dan persatuan-persatuan bangsa cina dll.

Malangnya ada banyak manusia cukup tergilakan publisiti dalam memperjuangkan BAN tetapi pada hakikatnya mereka itu hanya memperkudakan BAN demi matlamat peribadi atau ego mereka. Yang ingin saya sentuhkan adalah puak politikus dari parti BESAR seperti UMNO/MCA/MIC/PAS/DAP/PPP dll.

2) Tun seorang politikus yang pernah menjawat kerusi tertinggi negara ia itu Perdana Menteri. Syabas dengan kejayaan Tun itu. Sejarah tidak boleh menafikan sumbangan berharga Tun sebagai Perdana Menteri dahulu kepada BAN.

Dalam sistem politik demokrasi, populariti adalah amat penting untuk kejayaan sesebuah parti atau pemimpin itu mengekalkan kuasa yang diperolehi dari rakyat jelata semasa PRU. Dan untuk perolehi kemenangan dalam PRU, terpaksa sesuatu parti melakarkan MANIFESTO untuk menarik undi kepada parti mereka. Dan demi mencapai matlamat (kuasa/harta) maka dihalalkan apa sahaja cara.

Yang pakar dalam kempen kebiasaannya mereka yang berkecimpung dalam "advertising" seperti Saatchi&Saatchi atau APCO. Untuk perolehi nasihat yang "wise" diperbolehkan kita mengambilnya daripada mereka yang bukan muslim juga. Walaupun Saatchi&Saatchi dan APCO diterajui bangsa Yahudi, secara umum "halal" diupah untuk mendapat nasihat demi kemenangan UMNO/BN dalam PRU. Saya setuju dengan langkah Tun dahulu dan UMNO kini.

3) Tetapi kini Tun adalah mantan Perdana Menteri dan boleh dikategorikan sebagai "The

Malay Godfather" di mana perkataan yang mahu dilontarkan melalui minda Tun perlu dilakukan bukan seperti politikus yang aktif, malah sebagai The Malay Godfather yang AKTIF dibelakang tabir dimana "The Inner Circle" yang dapat dengar suara "emas" Tun dalam mempertahankan BAN.

Jangalah buat kesilapan seperti dahulu dimana saya pernah sarankan agar kes DSAI tak payahlah Tun buat kenyataan terbuka akhlak DSAI yang buruk itu dan biarkan Menteri-Menteri lain yang bantu jawab permasalahan yang berlaku, tetapi apakan daya TUN lebih gemar mendengar saranan oleh Mukhriz agar Tun kena "say openly" dalam kes melibatkan DSAI. Dan kesannya Tun disuruh letak jawatan secara biadap oleh anggota MKT UMNO dalam suatu mesyuarat. Tun telah pun cakap akan hal itu pada rakan sepermainan golf saya dimana Tun kecewa dan menangis.

4) Tun harus bersara berjuang dari menjadi politikus parti dan terus berjuang sebagai The Malay Godfather seperti mana yang diperjuangkan Lee Kuan Yew kepada Bangsa Cina yang menjadikan Nusantara ini sebagai rumah mereka.

Saya percaya selagi Tun masih terkongkong dengan cara lama " Presiden UMNO/PM Malaysia".....pandangan dan nasihat serta saranan Tun tidak akan masuk dalam jiwa Bangsa Melayu khususnya dan Rakyat Malaysia amnya.

Benarlah orang yang dah pencen sekiranya menghadapi kehidupannya sebagai orang pencen boleh menjejaskan dirinya melainkan mereka berubah kepada memperjuangkan untuk kembali kepada kehidupan yang kekal abadi ia itu alam akhirat. Kehidupan selepas mati adalah kehidupan sebenar.

Tetapi bagi diri Tun ianya ada kelainan kerana Tun bukan milik peribadi keluarga Tun tetapi Tun adalah anugerah Ilahi kepada BAN. Di siang hari Tun perlu berjuanglah seperti Abu Bakar As-Siddiq dan waktu malam berjuanglah seperti Ar-Ruhban.

5) Kedudukan Tun kini lebih berharga dari nilai kerusi Perdana Menteri Malaysia. Semoga Tun dibantu Allah SWT dan janganlah sekali-kali lupakan diri saya ini dalam doa Tun kerana saya amat memerlukan doa daripada anugerah Ilahi kepada diri saya, bangsa, agama dan negara.

By jadiAuthor Profile Page on January 25, 2011 4:03 PM

Dear Tun,

Relax. Tun memang dah bersara dah. Cuma bersara bagi jawatan Perdana Menteri. Tapi, Tun pun tahu, perjuangan tidak akan pernah selesai. Mana yg boleh kita selesaikan, kita selesaikan. Mana yang tak boleh, pasti ada hikmahnya. Mungkin Allah SWT menyimpan perkara2 itu untuk di selesaikan oleh pihak lain sebagai ujian untuk dia pulak kut?

Saya mendoakan Tun sihat untuk terus bekerja dan semoga sentiasa dilindungi Allah SWT.  
By cekAuthor Profile Page on January 24, 2011 7:22 PM

Assalaamualaikum Tun & family,

Tak apalah Tun orang nak kata apa, tetapi saya dan sahabat2 saya tetap menyanjungi Tun sepertimana sebelum ini, samada Tun sebagai Perdana Menteri maupun mantan Perdana Menteri.

Tun tetap dihormati.. Teruskan usaha murnimu demi Agama Bangsa dan Tanahair...

Please take good care of yourself and bonda Tun Hasmah. Wassalam.  
By kangkong54Author Profile Page on January 23, 2011 11:26 PM

Tun teruskan perjuangan kerana pemikiran dan pandangan Tun amat diperlukan utk mencapai wawasan 2020. Pesanan dan teguran Tun amat diperlukan utk memastikan pemimpin sekarang berada dilandaskan yg betul...hapuskan rasuah,menegakkan keadilan sosial>kpd yg hak utk mencapai kesaksamaan.Salam perjuangan.  
By Aku Adalah Engkau, Engkau Adalah Aku Author Profile Page on January 23, 2011 9:05 PM

Salam Tun,

Buat semua pembaca blog Tun. Yang dinamakan Tua adalah tubuh, jasad dan angka yang diadakan sejak kita lahir hanyalah untuk kiraan usia dimana ianya juga untuk kiraan usia si tubuh. Roh, Semangat, Niat, Fikiran, Ilham ni semua tiada usia tiada tua dan muda tiada angka tiada rupa ia wujud tepat pada masanya, maka terlontarlah atau kedengaranlah ia melalui kata-kata. Ramai pandai bercakap, berkata, bertitah dan berperintah kerana yang keluar hanyalah angin yang bersuara. Mereka lupa siapakah yang berkata ketika mereka berkata, izin yang diterima tidaklah seberapa pukul canang bermegah dada. Kita semua sama tiada beza semata semua hanya melakunkan gotgakaca tanpa mengenal dalangnya. Tun, selagi hayatmu dikandung bandan berkongsilah tanpa sempadan. Hadir mu kerana ku hadir ku kerana mu. Salam bersalam Aku Adalah Engkau Engkau adlah Aku.  
By Aku Adalah Engkau, Engkau Adalah Aku Author Profile Page on January 23, 2011 8:48 PM

Lihat di sini

<http://www.malaysia-today.net/mtcolumns/newscommentaries/37569-mahathir-has-lost-to-uch-with-realities>

Salam semua, apalah dok adakan perbezaan antara Singapura, Malaysia atau mana-mana saja kita kan sama Melayu. Tun memberi peringatan kepada Melayu di bumi Malaysia agar jangan jadi seperti Melayu di Bumi Singapura yang suatu ketika dahulu juga kita mengibarkan bendera yang sama. Yang reporter ni nak kipas2 dok mengata apa cerita, ibarat menepuk dulang di muka sendiri kan basah, kalau basah dengan sekolah air wudhu takpa ni air di dulang...sedih, sedih kita cakap pasal Melayu yang dia sibuk2 cerita pasal perbezaan Singapura dgn Malaysia apa cerita tegok muka Melayu di Malaysia sama rupa dengan muka Melayu di Singapura, Aku adlah Engkau, Engkau adlah Aku. Singapura itu titik Malaysia itu Alif tidak bermula huruf Alif tanpa titik. Ada betulnya apa yang dikatakan Tun. Tak salah kalau kita menegur dan sampaikanlah yang benar walaupun pahit. Zaman kini Kebenaran dizalimi dan Kezaliman dibenarkan. Yang ada Ilmu kebenaran tak perlu ditegakkan kerana ia telah pun tegak hanya kebenaran itu harus dibenarkan barulah kita nampak kebenaran yang jati. Maaf Hamba Bodoh Tuan.  
By mawarkotaAuthor Profile Page on January 22, 2011 8:38 PM

ASSALAMMUALAIKUM WBT,

YBHG,

Saya amat mengagumi TUN semenjak di bangku sekolah. Saya dilahirkan pada era TUN menjadi PM yg ke -4. Bagi saya, TUN masih diperlukan oleh negara. Saya begitu menyangjungi diri TUN sehingga saya malu untuk bersalaman dengan TUN semasa undangan perkahwinan rakan saya di puchong. Kebijakan dan ketrampilan diri TUN

memberikan inspirasi kepada saya. Oleh itu, isu TUN bersara sepenuhnya dari dunia politik amatlah saya tidak persetujui. TUN masih boleh berkhidmat untuk kepentingan Negara, Agama Dan Bangsa.

Terima kasih TUN semoga ALLAH SWT sentiasa merahmati TUN.  
By OSMADAuthor Profile Page on January 22, 2011 11:06 AM

Assalamu alaikum Tun yang amat saya hormati dan sayangi.

Tun, ini adalah first time saya menulis kat blog TUN. Selama ini saya lebih suka membaca saja atau mungkin saya kluatir some busybody will spot check on my life.

Saya sungguh terharu membaca tulisan TUN yang amat saya hormati and sayangi. Tun tahu, airmata saya terasa nak menitis semasa menulis ayat ini.

Dalam hidup saya, orang yang paling saya hormati selain dari Allahyarham ayah saya, adalah TUN DR MAHATHIR MOHAMAD. Dan setiap kata2 motivasi Tun saya sentiasa pesan pada anak2 saya sebagai panduan hidup kami.

TUN

I am Singapurian and I am proud to be Singapurian. Tun tahu kenapa saya proud to Singapurian?. Cause to me Singapura adalah tanah melayu dan akan sentiasa menjadi tanah melayu, walaupun namanya telah di tukar dari SINGAPURA Kepada SINGAPORE. Pada saya SINGAPURA ada makna that is NEGRI SINGA. Tapi SINGAPORE tak makna.

Maybe, most Malaysian might think that we are arrogant and proud malay. PLEASE ACCEPT MY APOLOGY ON BEHALF OF ALL SINGAPURA MALAY.

Kerana sifat kami ini lah kami dapat hidup di tanah melayu yang di perintah bangsa bukan melayu.

CUBA BAYANGKAN BILA KITA MENJADI HAMBAN DALAM RUMAH KITA SENDIRI. ORANG YANG KITA PANGGIL UNTUK UBAH ELOK RUMAH KITA SEKARANG MENDJADI TUAN RUMAH.Dan untuk itu kita terpaksa menjadi arrogant and proud for survival. Jangan lah pinggir kami kerana sifat kami INI.

TUN.

Tun, do you know why your neighbour makin lantang bersuara commenting on your backyard.?

Pasal dia tahu, Tun sekarang dah tak boleh bersuara. Dia tahu suara TUN da tak se lantang dulu.

Dia tahu orang yang sekarang menjaga rumah TUN adalah orang yang di firman ALLAH dalam ayat AL Baqarah ayat 18. "THEY ARE DEAF,DUMB AND BLIND, SO THEY RETURN NOT ( TO THE RIGHT PATH)".

Cubalah you all di luar sana pikirkan, kalau orang yang menjaga rumah you all yang berkuasa tak berani nak bersuara, apalagi kami di sini.

Cuba TUN bayangkan kalau TUN bersara, makin lantang lah suara jiran TUN.

TUN, saya dah lama nak migrate di sana, tapi saya fikir balik, memang ini lah yang mereka ingin kan. Sema melayu migrate ke sana jadi hilang melayu di tanah ini.

Oleh itu, saya bermohon, selagi TANAH MELAYU INI BELUM DI TEBUS, janganlah TUN bersara, JANGAN TUN UCAPKAN PERKATAAN BERSARA PUN.

Sekian dari saya  
SINGAPURIAN.

By Merpati Putih Author Profile Page on January 22, 2011 2:59 AM

Salam Ayahanda yang dikasihi,

Disini tiada komen yang ingin disampaikan tetapi dua rangkap pantun jenaka sekadar ingin berkongsi senyuman dengan Ayahanda Tun Mahathir dan bonda Tun Siti Hasmah..

Tenung termenung si pak duda  
Intai mengintai si mak janda  
Mengapa tabiat lelaki mengenyit mata  
Pabila terpandang perempuan jelita

Pantun kasih pantun Pak Anjang  
Merindu Mak Anjang malam dan siang  
Mengapa sering lelaki mengaku bujang  
Walau anak sudah sekandang...

Pantun-pantun tersebut antara pantun-pantun yang saya cipta dan disiarkan di Klasik Nasional pada tahun 1991 didalam ruangan Bisikan Hati.

Maaf ya Bonda dan Ayahanda mengganggu istirehat kalian berdua.

Salam sayang  
Merpati

By antikmalaya Author Profile Page on January 21, 2011 3:16 PM

Love you Tun, for all the good deeds that you have done for this country and the Muslim world.

I just hope I can get a fraction of your wit.....hehe!

Take care and Allah swt akan senantiasa berada bersama mereka yang BENAR!

Melayu itu hebat!

By pppz Author Profile Page on January 21, 2011 12:56 PM

Salam YAB Tun,

Tidak salah bersara daripada menjawat apa jua jawatan tetap tetapi setelah bersara tidak patut seseorang itu terus tidak aktif untuk memberi sumbangan kepada agama, bangsa dan negara.

Sebagai seorang doktor tentu Tun memahami bagaimana otak manusia itu berfungsi dan cara-cara penjagaannya dengan baik agar terus tajam dan bergeliga tidak kira berapa umur seseorang itu.

Mencuba sesuatu yang baru adalah juga bermanfaat bagi meningkatkan keupayaan otak seperti mempelajari sesuatu kemahiran baru (melukis, bermain muzik, bertukang, dsn.) atau mempelajari bahasa asing yang baru kerana keupayaan otak manusia itu adalah tanpa had.

Michelangelo dan Goethe masih dapat menghasilkan karya mereka pada usia yang lanjut hingga akhir hayat mereka dan kita juga dapati pemimpin-pemimpin dunia seperti di China dan serata dunia masih mampu menjadi pemimpin dalam usia hingga 80'an.

Seseorang yang bersara yang beranggapan bahawa persaraan itu bererti relex dan berehat sahaja tanpa melakukan sebarang kerja maka besar kemungkinan akan menemui ajalnya lebih cepat dan mudah mendapat penyakit.

Bagaimana kita melihat burung yang tidak berupaya lagi untuk terbang akan segera mengundang maut begitulah juga dengan manusia apabila sudah tidak berupaya lagi untuk bekerja.

Wassalam.

By aeasdictAuthor Profile Page on January 21, 2011 11:50 AM

Salam Tun Dr. M...

Maaf utk mengatakan bhw Tun perlu perbetulkan kenyataan Tun tentang "Pergi lebih awal." Jika yang dimaksudkan adalah kembali ke rahmatullah maka telah diketahui bahawa tidak akan dipercepatkan dan dilewatkan walau sesaat. Harap Tun Maklum akan perihal yang boleh mengubah akidah.

By Dilema MelayuAuthor Profile Page on January 21, 2011 4:34 AM

Salam Ayahanda Tun,

1. Dengan persaraan Tun dlm Kerajaan, maka sudah semestinya Tun boleh memberi lebih perhatian dan masa utk Parti Umno Baru yg Tun tubuhkan bersama-sama dgn pejuang2 bangsa akibat pengharaman Umno suatu ketika dulu. Sejarah telah membuktikan, yang pertandingan merebut jawatan no 1 parti akan mengakibatkan perpecahan lantas mengheret Parti kearah kehancuran. Mungkin generasi muda hari ini tidak tahu menahu dgn perkara ini. Saya ingin menyarankan agar perkara ini dibukukan agar menjadi satu iktibar utk generasi hari ini dan yg akan datang supaya ianya tidak berulang lagi. Ianya akan menjadi satu garis sempadan jua pedoman kpd generasi2 pelapis hari ini di dalam melayari bahtera perjuangan parti agar tidak lupa kepada sejarah dan asal usul perjuangan parti yang sebenarnya.

2. Tidak boleh dinafikan yang penubuhan Umno Baru hari ini adalah diatas kebijaksanaan jua pengorbanan serta kudrat dan keringat Tun bersama-sama dengan pemimpin2 Umno yg bersama-sama dgn Tun pada masa itu. Tidak salah rasanya kalau Tun dapat menceritakan keadaan yg sangat genting pd masa itu. Pengalaman inilah yg harus Tun kongsi dgn generasi pejuang hari ini agar ianya dapat memberi suatu kekuatan dan semangat juang yang sejati agar bahtera parti tidak akan karam sekali lagi.

3. Banyak pemimpin2 generasi hari ini yang mendahului kepentingan sendiri drp kepentingan parti. Kalau ditanya untuk apa masuk Umno dan bertanding mendapat jawatan dlm Parti? Jawapannya adalah utk kesenangan diri dan kroni. Khidmat yg diberi bermotifkan kepentingan diri dan bukannya dgn keikhlasan hati. Ada duit barulah kerja boleh jadi itu pun kalau menjadi tapi yg banyaknya duit masuk poketnya sendiri dan kerja lantaklah pi..

4. Lantaran itulah ahli2 parti dan rakyat menyampah lantas meninggalkan parti secara diam dan rakyat tak memangkah BN lg. Siapakah yg salah di dalam hal ini? Parti kah atau pemimpin yg berkepentingan sendiri? Diharapkan agar perkara2 sebegini dapat diteliti dan diperhalusi supaya ianya tidak menjadi satu TREND dan diwarisi oleh generasi2 yg bakal mentadbir parti pada suatu hari nanti.

5. Seperti mana kata Tun, Demokrasi ini punyai kebaikan dan keburukannya yg tersendiri. Akan tetapi kita masih ada ruang utk mengawal dan memperbaiki agar keburukan2 itu tidak akan membunuh atau meracuni hak2 didalam Teras Demokrasi. Kriteria2 utk bertanding merebut jawatan didalam parti perlu ada syarat2 kelayakan dan garis panduannya. Namun yg paling penting ialah rakyat dan ahli2 parti di akar-umbi menyayangi dan akan memberi sokongan yg tidak berbelah bahagi kepada pemimpin2 ini. Parti Umno tidak harus memberikan tempat utk pemimpin2 yg mempunyai kepentingan diri melebihi dari kepentingan Rakyat dan Parti. Dan telah jelas terbukti, suara Rakyat telah mengatasi kekuatan sesebuah parti apatah lagi bg seorang yg bergelar pemimpin parti dgn menerima kekalahan yg tak pernah terfikir sama sekali. Semoga PRU 12 menjadi pengajaran serta Iktibar dan semoga ianya tidak akan berulang kembali pada PRU 13 nanti....

Sekian, Wassalaam.

By MUHAMMADHARISA Author Profile Page on January 20, 2011 8:57 PM

SAYA PERNAH MENGGAGUMI ANDA.SAYA MENDOAKAN ANDA DIPANJANGKAN UMUR.KEKAL DALAM KEBAIKAN DAN SAYA MENDOAKAN ANDA SUPAYA SENTIASA PADA JALANNYA YANG LURUS.SOLLU ALA MUHAMMAD WA ALI MUHAMMAD

By jnas Author Profile Page on January 20, 2011 5:59 PM

Tun, usah dipedulikan kritikan negatif kerana majoriti rakyat sentiasa ternanti-nanti buah fikiran, komen, kritikan dan pandangan Tun yang sentiasa segar dan bernas.

Perjuangan perlu diteruskan sehingga akhir hayat.

By ibumimi Author Profile Page on January 20, 2011 7:31 AM

ALLAH beri anugerah yang amat berharga buat Tun.. jangan ia disia-siakan walau sesaat. Teruskan dan sharekan segalanya dengan kami :D

By anaconda Author Profile Page on January 19, 2011 11:08 PM

Salam Tun sekeluarga dan peminat blog sekeliannya.

Saya bersetuju dengan saranan Tun agar kita terus aktif. Sebelum saya komen lebih jauh, maaf terlebih dahulu jika apa yang saya timbulkan selepas ini menyinggung perasaan sesiapa.

Saya ingin menyentuh tentang nada-nada sinis yang negatif berbunyi " sedar lah diri tu, Rumah Sudah Kata Pergi, Kubur Sudah Kata Mari". Sedangkan semua itu hanya takdir Allah saja yang dapat menentukan.

Sungguh tidak mengerti apakah niat tersirat dalam benak hati mereka disebalik kata-kata itu yang sanggup mengeluarkan sindiran sedemikian. Apakah ada unsur prasangka hingga menyindir seseorang tanpa melihat latarbelakangnya.

Apakah motifnya ?, melainkan jika tidak kerana ada motif politik, dendam kesumat, perasaan benci dan hasad dengki semata-mata terhadap kebolehan, keupayaan dan

pencapaian orang lain.\*\*\*

Sebenarnya ramai diantara kawan-kawan kita diluar sana yang saya perhatikan, apabila bersara terus bertukar corak hidup, trend sudah bertukar seperti berlebai dan berjanggut dengan mempamirkan rupa diri kelihatan seperti tidak terurus persis orang bermasalah.

Kalau hendak nampak jadi alim sekalipun, bukan lah begitu caranya yang terbaik yang harus dipamerkan, sehingga kesihatan dan keadaan diri kelihatannya lusuh, suram dan diabaikan, nampak seperti tidak terurus.

Tidak difahami atas alasan apa trend tersebut jadi budaya ramai daripada kawan-kawan kita diluar sana yang berbuat demikian. Kerana, Seperti yang diketahui dan dikenali dahulunya tidak sedemikian.

Tetapi setelah bersara hidup terus tidak mahu aktif, sebaliknya menjadi malas terutama untuk besenam, aktiviti bersukan atau apa-apa saja hobi atau aktiviti lain yang mengaktifkan minda, boleh mengeluarkan peluh dan toksin seperti berjoging, berkebun dan sebagainya.

Ada kawan-kawan yang sama angkatan dengan kita yang telah bersara, lebih suka banyak tidur dan banyak relax, semata-mata untuk melepasi masa yang banyak terluang itu agar berlalu begitu sahaja. Mereka tidak mahu lagi fikir banyak seperti masa kerja dahulu.

Mereka tidak lagi mahu aktif untuk fikir apa yang harus dibuat ketika waktu yang banyak terluang itu untuk melakukan sesuatu yang berfaedah buat dirinya dan keluarganya dan juga masyarakat kerana kononnya semua itu adalah hal keduniaan yang bukan boleh dibawa mati. Padahal ada sebahagiannya itu adalah fardhu kifayah.

Kita tidak perlu tinggalkan hal keduniaan ini terus dengan tumpuan hanya untuk diri sendiri mengejar saham akhirat semata-mata.

Kita masih perlu meneruskan kehidupan dengan terus aktif dalam berbagai aktiviti untuk disumbangkan kepada keluarga, masyarakat dan negara seperti yang Tun lakukan. Bukan sebaliknya, sehingga seolah-olah hendak dilupakan terus tugas kita sebagai Khalifah di muka bumi ini.

Akibatnya seperti kata Tun, mereka akan lebih cepat menjadi uzur, mendapat penyakit, susuk badan cepat dimamah usia tua, malahan ada yang telah pergi awal kerana mendapat penyakit Tiga Serangkai.

Itu lah implikasi yang mungkin dihadapi. Dengan itu peluang untuk beramal lebih lama dan lebih banyak bagi persediaan ke Akhirat yang lebih banyak, terutama untuk ke Tanah Suci akhirnya tidak kesampaian.

Beberapa sahabat yang seangkatan diluar sana yang bersara bersama saya, ada diantaranya telah pergi lebih awal kerana mengamalkan sikap seperti disebutkan diatas tadi.

Jika kita tidak aktif dan ceriakan diri, jiwa akan dilanda penyakit kemurungan. Beberapa kajian telah membuktikan bahawa Kemurungan akan mengundang penyakit-penyakit kronik seperti Nyanyok, Tiga Serangkai dan sebagainya.

Memanglah membuat amalan bagi mengejar saham akhirat ketika usia telah menjangkau lebih setengah abad itu perlu diisi dengan lebih banyak amal ibadat, tetapi aktiviti

tentang keduniaan juga harus seimbang. Asalkan tidak bercanggah dengan tuntutan agama. Terutama yang berkaitan dengan fardhu kifayah.

Dari itu wahai kawan-kawan, dengan lah nasihat Tun. Aktifkan dan ceriakan lah diri kita dengan melakukan aktiviti yang dapat mengaktifkan minda dan mengeluarkan peluh agar sistem peredaran darah sentiasa elok dan toksin dalam badan dapat dikeluarkan. Manakala lemak dan kalori berlebihan dapat dibakar agar tidak berlaku stroke, kencing manis, darah tinggi dan penyakit kronik lainnya. Tq Tun.

By pelangi butlerAuthor Profile Page on January 19, 2011 7:09 PM

Assalamualaikom, Tun berdua.....

.....Selagi hayat dikandung badan, berbaktilah demi ibu pertiwi.....

kalau itu laungan semangat para Pemimpin, maka pemimpin jua lah yang sama2 patut menyahutnya.....'contoh melalui teladan....'

Sebagai pemimpin sejati, Tun do what you have and able to do, selagi hayat dikandung badan.....nescaya, bila tiada Tun bersama lagi nanti.....doa jua kami hamba rakyat pohon untuk sejahtera Tun di Barzah....'

Nilai kediri Tun tiada terperi...., siapa kami atau mereka untuk menidakkan kesanggupan Tun berdua berbakti.....lazim pejuang sejati, pejuang mulia.

Berbaktilah Tun....teruskan, nikmatnya kami hamba rakyat jua yang rasai...., telah dianugera kan Illahi, Tun dilahirkan sebagai Mahathir Bin Mohammad....penaung rakyat / agama / bangsa...

terima kasih banyak2 Tun berdua, siapa kami tanpa Tun.....mungkin saya masih kayuh basikal & tidak berkereta Waja...

Alhamdulillah, semoga di perpanjangkan lagi usia Tun berdua didalam alFiat dan di redai Allah, Tuhan maha esa.....

Menangis saya didalam seorangan mengiringi pemergian Tun kelak bila di gamit Illahi....tiada dua seperti Tun, jika dikurniakan bapak kedua oleh Allah swt, maka Tun lah calonnya.....

Seorang Bapak bagi perspectif saya...., seorang pemimpin yang disegani, disayangi, dihormati, dimuliakan, di jagai, diselamatkan, di, di, di, .....dan lagi dan lagi.....besar besar hemah orang nya.....,

Terima kasih, Tun Mahathir.....kerana mengizinkan saya suatu ketika dahulu, melayan makan & minum Tun berdua....

Tertumpang Salam saya jua pada Tun Hasmah....

Assalamualaikom.

E1.

By bayuAuthor Profile Page on January 19, 2011 12:38 PM

YAB TUN..SABAK SABAK.JANGAN DOK PENCEN LAGI.MENARA LANGKAWI PUN TAK SIAP LAGI..AYAK TERJUN DIDATAI PUN BELUM ADA LETRIK..UMUK 90 PUN TAK PINCIN NIKAH INI KAN TUN..TUN PINCIN SEMUA JAM..MACAM KETA JAM DIKL.JANGAN2 TUN..

By FXSpecAuthor Profile Page on January 19, 2011 12:15 PM

Assalam Tun,

"Old generals never die, they just fade away...", so they say. Luckily you are not an old general, or even if you are, you are not any ordinary old general....so, you are not gonna simply fade away in retirement or otherwise. Not anytime soon, if I may say so confidently (everybody dies though, including wizened old generals, hehe!).

To some contributors here, why ask Tun to retire? If you don't like what he says, just ignore his blogs, his speeches, his admonishments...just ignore him. But simply, many more others hunger for his pronouncements, will hang on to each and every word that he utters...or writes. Why deny this privilege, this simple pleasure to them, to these admirers and fans while Tun is still around?

Tun, just say your piece, anytime, anywhere, anyhow. For every detractor, theres many supporters who will listen to you, cheer you and learn from you - me included!

Pity the detractors though....blissful in their ignorance or miserable in their arrogance?  
By aboriginalAuthor Profile Page on January 19, 2011 9:59 AM

Salam Tun..

Walaupun dah lama benar saya tak komen dalam blog Tun, tapi saya sentiasa baca semua article Tun dan saya banyak belajar nilai2 baik yang Tun paparkan dalam blog Tun. Tun banyak memahamkan saya tentang cara pemerintahan negara dan menangani sesuatu isu. Dari menjadi seorang yang 'rebellious', saya jadi lebih memikir. Selama saya baca tulisan Tun, ini lah artikel Tun yang buat saya menangis...mungkin sebab saya baru kehilangan orang yang saya sayangi..orang yang mirip Tun dari segi paras rupa dan percakapan.

Saya ingin khabarkan pada Tun yang ayahanda saya yang juga seorang bekas penuntut Kolej Sultan Abdul Hamid telah pulang ke Rahmatullah baru2 ni. Semoga rohny sentiasa di cucuri Rahmat Allah. Saya juga sentiasa doakan Tun agar sentiasa di Rahmati Allah.

Pertahankan Tun... biar apa orang kata. Orang yang mengata tu sebenarnya dia jelous dengan kehebatan Tun...

By ciponAuthor Profile Page on January 19, 2011 8:00 AM

Akum TDM,

Kepada Tun, harap dapat teruskan idea demi utk bangsa dan negara.

Kepada semua:

kenapa terlalu mengharapakan TUN sahaja... tidakkah anda terfikir utk menjadi TUN M II... ayoh, kite generasi muda perlu fikirkan sesuatu.. Sejarah membuktikan bahawa kegemilangan sesebuah negara akn berulang... dan berulang... pergi nya TUN M, akan lahir pula beratus-ratus jelmaan TUN M... TUN M dah membuka jalan utk kita... cuma utk kita selesaikan..

By Dilema MelayuAuthor Profile Page on January 19, 2011 3:42 AM

Salam Ayahanda Tun,

1. Tiada istilah persaraan didalam kamus PERJUANGAN YG BELUM SELESAI.
2. Selagi nadi masih berdeyut, selagi Akal masih ada kewarasan, selagi Hati masih berpandukan Iman dan selagi Jiwa masih berTauhidkan Allah SWT maka selagi itulah Nasihat, Teguran dan Pedoman perlu dilaksanakan sebagai Khalifah Allah di muka bumi ini.
3. Muda tiada bererti jika masih lagi mentah Akalnya Budi dan yang Tua mengapa harus menyepi jika buah Akalnya seumpama Pelangi?
4. Biar dihina, biar dikeji terkadang kecil jua rasa dihati namun kau tetap berdiri tak pun rebah kebumi apatah lagi terluka jasad darah membasahi bumi kerana Tuhan Maha mengetahui apa yg tersirat dihati nuranimu terhadap BangsaMu yang sangat kau sayangi dan tak pernah terlintas dihatimu untuk kau membenci apatah lagi untuk kau zalimi..

Wassalam.

By tg.intanAuthor Profile Page on January 18, 2011 9:11 PM

salam,

dear Tun,

saya amat menghargai segala pendapat serta buah fikiran Tun. Pada pandangan saya, Tun telah banyak menyumbangkan idea yang bernas demi masa depan negara. semoga Tun terus dikurniakan kesihatan yang baik. Insyallah....

'the harder you work, the luckier you become'

By NATURALMANAuthor Profile Page on January 18, 2011 9:01 PM

Dear Tun,

I have been in the Middle East for many years.

Nevertheless I have been observing our country politics issues on daily basis and it looks very disappointing.

To be fare and know the actual situation I read both Utusan and Malaysian Insider.

Look at the comments in the Malaysian Insider. You can observe there are lots of comments about the nations but most of them do not talk facts and figures. They talk silly things which shows how shallow and narrow are their mind. There have lots more to learn.

Worst is the opposition party especially DAP have spread their venom into the readers mind. They will not be able to control the country if they take over from BN.

The country needs you.

May Allah bless Malaysia, Malaysian and you?

Keep up the good job.

Thank you

By Shamsulfahmi ShamsudinAuthor Profile Page on January 18, 2011 6:54 PM

Semoga diberkati umur dan dimudahkan rezeki Tun Insya Allah.

Saya dedikasikan lirik lagu "PELITA" dendangan kumpulan rock Malaysia, A.P.I. untuk Tun. Enjoy!

A.P.I. - Pelita

Tak pernah sesaat daku meragui

Apa yang telah daku temui selama ini

Tak pernah sesaat daku menyesali

Apa yang telah aku nikmati

Apa ku alami

Selagi hayat dikandung badan

(korus)

Takkan ku menyerah kalah walau mimpiku musnah  
Harapanku hancur sayapku patah  
Kan ku pancarkan cahaya seperti pelita  
Ke serata dunia yang gelap gelita  
Sehingga hembusan nafas yang terakhir

Tak pernah sesaat aku mencurigai  
Apa yang telah aku kecapai setakat ini  
Tiba saatnya kan ku tangisi  
Pada yang pergi takkan kembali  
Kembali lagi

Selagi hayat dikandung badan

(korus)

Takkan ku menyerah kalah walau mimpiku musnah  
Harapanku hancur sayapku patah  
Kan ku pancarkan cahaya seperti pelita  
Ke serata dunia yang gelap gelita  
Sehingga hembusan nafas yang terakhir

Selagi jasadku belum terkubur  
Selagi tubuhku belum ditimpa uzur  
Pantang datuk nenek moyangku berundur

(korus)

Takkan ku menyerah kalah walau mimpiku musnah  
Harapanku hancur sayapku patah  
Akan ku pancar cahaya seperti pelita ke seluruh dunia  
Akan ku pancar cahaya seperti pelita ke serata dunia  
Seperti cahaya

By avz90201013Author Profile Page on January 18, 2011 3:28 PM

Setiap insan akan pasti tiba hari tuanya dan meninggalkan dunis yang kelam kabut ini. Umpama pemimpin, yang di utus oleh ALLAH SWT akan memimpin umatnya dengan saksama dan adil. Pemimpin yang ikhlas untuk memimpin akan disayangi oleh sekalian rakyatnya. Hatta dia mati sekalipun. Namun, jika pemimpin itu telah banyak menyusahkan rakyat dan generasi yang ada. Sampai hujung nyawa dia akan dicaci, dimaki, dihina dan dikutuk. Fikir-fikirkan.

By Idea StrategicAuthor Profile Page on January 18, 2011 2:53 PM

As'kum Ayahanda Tun,

Berderau dan risau saya apabila Ayahanda menulis begini. Masih teringat-ingat dan terkenang-kenang ketika Ayahanda mengumumkan persaraan sewaktu Perhimpunan Agung Umno dahulu. Riuh satu dewan di PWTC. Bukan itu sahaja, saya yang tengah menggoreng cucur tepung pun terkejut. Sampai hangus cucur tepung tersebut. Pedulikan mereka yang menyuruh Ayahanda bersara. Blog mereka tidak dikunjungi orang. Mereka dengki. Sebaliknya mereka masih mengunjungi blog Ayahanda dan siap menulis komen lagi.

Semoga Ayahanda dan Bonda dikurniakan kesihatan yang berpanjangan dari Allah S.W.T.  
By ibrahimAuthor Profile Page on January 18, 2011 10:06 AM

Assalamualaikum Tun dan Keluarga serta semua pembaca,

Malaysia, bahkan Dunia keseluruhannya, masih memerlukan Tun...Sebenarnya kalau Tun nak jadi PM semula, bila-bila masa boleh...Tapi Tun juga memerlukan rehat dan ketenangan untuk keluarga dan diri sendiri.

Malaysia seharus berterima kasih kerana Tun masih memberikan teguran dan pandangan dalam keadaan Malaysia dan kemanusiaan dunia. Sesiapa yang tidak senang teguran dan pandangan Tun adalah sedikit dan boleh diabaikan. Kebanyakannya adalah mereka yang kecewa mendapat sebarang 'pertolongan' semasa Tun dulu. Kalau tak percaya, boleh buat survey...

Khidmat Tun sentiasa diperlukan apabila Tun senang. Semoga Tun dipelihara kesihatan dan dipanjangkan umur.

By Bumi KenyalangAuthor Profile Page on January 18, 2011 8:56 AM

Salam Semua & TUN

TERIMA KASIH YANG TAK TERHINGGA TUN....

SAYA ADALAH MELAYU YG MEMANDANG KEDAPAN PRODUK PEMBANGUNAN TUN...

KEPADA MEREKA DILUAR SANA YANG DENGKI & JAHAT.

BUAT KERJA TU BIAR BETUL, JGN ASYIK SURUH ORANG LAIN TURUN JAWATAN TAPI DIA SENDIRI WALAUPON DAH TAK LARAT NAK BERJALAN TAPI TAK TURUN2 LAGI.... HEEEEEE...  
TAU KAN SAPA DIA NI... BERBAGAI ALASAN DIA BAGI....

By AramanAuthor Profile Page on January 17, 2011 11:38 PM

Sir..

Malays needs a champion... This is what I think you should remind the Malays.. not the one who only agrees with you... or need you to be around (its good if you are still around..) not the one who is a follower.. but a leader.. the one who will continue to fight.. to prove that Malays are worth the race...

Malays don't need politicians... (Somehow.. most Malay politician has disgraced the Malays.. by fighting between each others.. and not uniting) They need somebody to be a role model.. that role model can be other than politician.. That alone can make other races respect the Malays...

For example.. last time the Indian has nobody to look up to... But now they have Tan Sri Ananda Krishnan...

Frankly.. what I see in your facebook comments worries me Sir... as more and more disrespect are being shown..

By bulan terangAuthor Profile Page on January 17, 2011 11:25 PM

Assalamualaikum YB Tun M,

Niat suci Tun dalam memperjuangkan agama, bangsa dan negara akan tetap disanjung selagi ada langit dan bumi!!! Selagi ada bulan dan bintang!!! Selagi nyawa di kandung badan!!! Dunia dan akhirat moga Allah membalas jasa baik Tun...Amin!  
By NOM AirbusAuthor Profile Page on January 17, 2011 9:39 PM

Tun dan semua readers yang di hormati

Pada sesiapa yang tak ada modal to tak payah le nak suruh orang bersara.....Kan!!!!!!This is Tun's own Blog and he will continue to write and/or response his idea in responding to your comments. So be it. Continue with this. Meeting ten more Million readers will make no harm in fact will make all of the bloggers more experience and start thinking collectively. Like Me

Semoga panjang Umur dan di berkati Allah. I don't care what other may think of you but I always adore your success story since 1975...while you were the Education Minister and I was 14 then.  
By MAZAIAuthor Profile Page on January 17, 2011 7:43 PM

Ybg Tun,

Saya amat bersetuju Tun bersara kerana kerajaan juga meletakkan umur persaraan pada 58 tahun. Bermakna dah cukup khidmat bakti yang diberikan semasa memegang jawatan.

Ramai pegawai kerajaan yang suka bersara kerana dah jemu dengan tugas-tugas rutin semasa bekerja dan ingin berihat dan yang kuat agama ingin menghabiskan baki-baki hayat untuk beramal. Ramai juga yang takut bersara malahan akan menagih simpati untuk diberi jawatan-jawatan secara kontrak atau diberi peluang memegang jawatan disyarikat-syarikat.

Tetapi saya percaya TUN mempunyai alasan sendiri kenapa tidak mahu bersara. Duit dah banyak, kemewahan dah ada, bakti dah banyak dicurahkan sebelum dan semasa menjadi Perdana Menteri. Alasan TUN untuk tidak bersara adalah tepat. Pada saya ianya bukan sahaja kerana TUN perlu aktif untuk menjadi sentiasa muda dan bertenaga. Tetapi yang lebih penting lagi ialah kerisma, keberanian, keikhlasan serta kebijaksanaan TUN dalam mengenengahkan isu-isu yang perlu diambil perhatian oleh kerajaan adalah faktor yang amat penting bagi TUN meneruskan khidmat bakti. Sehingga kini orang-orang Melayu tercati-cari seorang lagi tokoh yang sehebat TUN tetapi masih belum nampak bayangnya.- Bukan untuk mengampu tetapi adalah hakikat.

Justru khidmat TUN amat-amat diperluakan lagi oleh bangsa Melayu dan rakyat Malaysia. Saya hanya berharap TUN bersara apabila segala kebolehan/kekuatan TUN itu telah di ambil oleh Allah SWT.

Saya hanya mampu berdoa agar apabila sampai masanya kelak TUN akan ditempatkan dikalangan hamba-hambanya yang solleh.

By crazy diamondAuthor Profile Page on January 17, 2011 7:16 PM

Salam Tun,

Tun yg saya kenali dari jauh adalah merupakan seorg yg memang telah didestinekan oleh

Tuhan utk menjadi PM. Timing dan experience yg telah dilalui sebelum menjadi PM telah ditetapkan oleh Tuhan agar dpt mencapai tahan ketahanan dan ketajaman akal yg tinggi sebagai seorang PM, disamping tawaduk sbg hambaNya. Ini adalah kriteria yg amat penting sbg seorang pemimpin. Mungkin agak keterlaluan membandingkan Tun dgn PM ke5 dahulu, dimana Tun mempunyai semua kriteria tersebut hatta sifat tawaduk tersebut yg juga jelas gagal ditunjukkan oleh PM ke5.

Pengalaman menentang Malayan Union sebelum merdeka, dipecat keahlian UMNO, buku Malay Dilemma diharamkan oleh pentadbiran Tunku etc jelas merupakan cabaran yg harus ditempuh oleh seorang yg terpilih. Hasilnya, Tun telah dpt membentuk personaliti yg baik utk menjadi pemimpin yg baik. Malah utk merasai pengalaman ketika dijajah atau sebelum merdeka, selepas merdeka, pengalaman pahit sebelum menjadi PM, ketika menjadi PM dan selepas menjadi PM, malah dpt hidup melebihi 80 thn adalah kurnian Tuhan yg amat berharga. Atas faktor inilah, saya dapati Tun mempunyai semangat patriotik yg amat tinggi berbanding org lain. Buku2 penulisan Tun yg telah dibaca, malah begitu juga blog ini, jelas menunjukkan bahawa Tun adalah seorang yg amat patriotik terhadap negara, bangsa dan agama.

Pandangan yg diutarakan jelas praktikal, logik, tajam & terkehadapan menjelaskan bahawa Tun was a gifts from god to Malaysia. Teringat saya terhadap nasihat dari sahabat baik saya yg pernah berkata "hargailah dia ketika ada". Atas dasar inilah & pengalaman yg pernah dilalui dgn arwah ayah [beliau pergi sebelum saya sempat matang sebelum dpt berkawan & bertukar pendapat dgnnya], benar2 membuatkan saya menghargai setiap cabaran & kurniaanNya kpd diri ini & negara tercinta ini.

Oleh itu, saya berpandangan rakyat Malaysia harus menggunakan sepenuhnya peluang yg telah & sedang diberikan ini. Saya telah melaluinya sebelum ini, oleh itu amat berharap pengalaman yg telah dilalui oleh saya tidak dilalui oleh org lain. Apa pun terpulanglah kpd masing2 utk menilainya samaada utk bersetuju atau tidak.

Pandangan yg disuarakan di atas mungkin akan dianggap cuba membodek Tun oleh sesetengah org, tetapi yg pastinya hanya Tuhan sahaja yg tahu apa yg berlegar dlm hati ini. Niat saya satu sahaja, utk mengingatkan kita semua sebelum terlambat, itu sahaja.  
By shaharuddin mohd isa Author Profile Page on January 17, 2011 6:30 PM

Orang muda sekarang ini boleh berhujah secara berwibawa seperti Tun amalkankah?  
By checker Author Profile Page on January 17, 2011 5:17 PM

Salam Tun & Fellow bloggers,

I wish to add a little to my earlier comment.

I am concerned about the current leadership or rather the "person" behind him. Rasullullah SAW action & behaviour are the best examples to follow and Rasullullah never showed or encourage women can be the imam or influence imam leading the jemaah. Yet now already seen in public that she try to overshadow the man himself. People are not blind. This has to change otherwise ....Hope Tun can advice him to stick to his slogan rakyat diUTAMAKAN. Now joke is going around with new verson " ISTERI" diutamakan. That's not a good sign. Wallahualam.

By superyusrie Author Profile Page on January 17, 2011 4:23 PM

Head over to Langkawi Tun and stay at Pelangi BR, pantai Cenang the former official abode for the Commonwealth Heads of Govt meeting. One of your many brilliant ideas back then.

I was involved in building that resort, my first project in Malaysia in fact, right after my return from study abroad. Hope that place is still as marvelous as it was before.

I always listen to the song "Somewhere over the rainbow" whenever I think Langkawi. Loved that place so much. ;D I know how much Langkawi means to you too.

OK, till I write again next time, TC and salamun alaikum ! :)

superyusrie

Your displaced little sidekick. ;)

By thesevenprinceAuthor Profile Page on January 17, 2011 3:45 PM

dear Tun,

i am a student,currently studying in Jordan. a few days back, when i was in Amman,the capital city of Jordan, i met a person at one of the mosques in the city. after knowing that i'm a Malaysian, he asked me about you, "you had a prime minister with the name Mahathir Mohamed,right? he is such a wonderful thinker.really,really great."

at that moment,apart from smiling, i also realised that the years you spent leading Malaysia has made you a great hallmark of our beloved country. we always talk,for example, about the Petronas Twin Tower,or KLIA,or a lot of other things as the pride of our nation,but after meeting that guy, the actual pride of our country, in my opinion,is the one who propelled our country to all of the fabulous feats that we are enjoying right now,which happens to be you.

n by reading your blog, i also see that for a person of your age,your mind is still at the peak of its performance n your experience is far more valuable than anything we have in the country.

so,all i can say is that,continue giving us your thoughts and ideas,bcause as far as i'm concerned,our country very much needs it.

By azma\_6180Author Profile Page on January 17, 2011 2:55 PM

Salam,Tun Dr. M...

Nak tergelak rasanya pada sesiapa yang menyuruh Tun bersara... Tun kan memang dah bersara dari kerajaan. Jadi, apa yang tak kenanya? Saya rasa orang yang berbunyi ni sebenarnya takut dengan bayang2 sendiri, takut dengan populariti yang diraih oleh Tun sepanjang mentadbir negara. Come on, Tun famous kerana sumbangan beliau yg amat berharga pada Malaysia dan ketegasannya menangani isu-isu kemanusiaan, agama, kaum dan negara. Beliau juga banyak memodenkan negara kita (KLIA, KLCC, Litar Sepang, Putrajaya, Cyberjaya, etc)...

Tun, tak payahlah ikut cakap org tu.. kami sebenarnya masih memerlukan buah fikiran Tun. Lebih ramai org yg perlukan pendapat Tun dari yg menyuruh Tun bersara. Bagi saya, nasihat Tun pada pemimpin sekarang ibarat nasihat seorg ayah kepada anaknya. Tun lebih dulu makan garam.. jadi tak salah kalau Tun memberikan pendapat dan pandangan dalam sesuatu isu.

By geniusAuthor Profile Page on January 17, 2011 2:44 PM

Salam,

Tun & pembaca2 sekalian diharap semua sehat sejahtera.

Tun, hidup hanya sekali & mati pun hanya sekali.

Bagi insan kerdil seperti saya, memandang tinggi ketokohan Tun bukan kerana betul atau salahnya Tun tetapi kerana

#### TUN IKHLAS DAN JUJUR DALAM HIDUP

kita yang lain ni patut tanya pada diri sendiri dapatkah kita memanfaatkan hidup hanya sekali ini seperti TUN menggunakan setiap saat yang Allah SWT berikan dengan berfaedah...

Saya rasa bertuah kerana dapat hidup semasa pemerintahan TUN dan "the feel" tiada galang gantinya

TERIMA KASIH WAHAI TUN YANG DIHORMATI DAN DIKASIHI  
HANYA TUHAN DAPAT MEMBALAS SEGALA JASA TUN  
By ros langkawi Author Profile Page on January 17, 2011 2:40 PM

salam ayahanda Tun  
ini bukan soal tua, muda, pergi, datang, mula dan berhenti kerana melakukan kebaikan tiada sempadan dan hadnya. Allah telah berfirman di dalam hadis Qudsi yang bermaksud:

'jika seorang hambaKu bercita-cita untuk melakukan sesuatu kebaikan maka aku akan mencatatkan baginya satu kebajikan".

